SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Sem 1 Johor

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SULIT*

900/1 **STPM 2023**

PENGAJIAN AM

KERTAS 1

Dua Jam

SMK LEDANG, TANGKAK

PRA PENTAKSIRAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
SEMESTER 1 TAHUN 2023

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A. Tandakan jawapan Yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.*	Untuk kegunaan pemeriksa	
	Bahagian B	
*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian B. Tulis jawapan dalam Ruang yang disediakan*	**16**	
*Jawab **dua** soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab Semua soalan tetapi hanya **dua** jawapan yang pertama yang akan Diperiksa.*	**17**	
	18	
Tulis jawapan dalam helaian jawapan yang disediakan. Mulakan Setiap jawapan pada helaian jawapan yang baharu.	**19**	
	Bahagian C	
Ikatkan helaian jawapan Bahagian C bersama-sama dengan muka Hadapan dan helaian jawapan Bahagian B		
	Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 6 halaman bercetak.

Bahagian A[15 markah]

Jawab **semua** *soalan*

1 Yang manakah pernyataan yang benar tentang peranan sesebuah kerajaan yang sistematik?

I Memastikan kedaulatan negara dipelihara
II Memberikan bantuan kewangan kepada semua pihak
III Menyediakan kemudahan ekonomi kepada rakyat
IV Memberikan kebebasan berpolitik kepada wakil rakyat

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

2 Seorang doktor pakar dari Britain yang telah berkerja di Malaysia selama 11 tahun boleh menjadi warganegara Malaysia telah memenuhi beberapa syarat secara umum

A pendaftaran
B naturalilsasi
C percantuman wilayah
D kuat kuasa undang-undang

3 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan mengandungi

* Senarai Persekutuan
* Senarai Negeri
* Senarai Bersama

Perkara di atas merujuk kepada struktur pentadbiran yang berdasarkan

A Penurunan kuasa
B Pemusatan kuasa
C Pengasingan Kuasa
D Pembahagian Kuasa

4 Yang manakah jawatan dibawah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan rundingan dengan Majlis Raja-Raja

A Jemaah Menteri
B Peguam Negara
C Ketua Audit Negara
D Ketua Setiausaha Negara

Bahagian B[*15 markah*]

Nama…….. Ting……

16 Nyatakan **tiga** sebab undang-undang menyekat kebebasan bercakap dan mengeluarkan fikiran boleh digubal. [3]

(a) ……..

(b)……

(c) ……..

17 Jelaskan **empat** fungsi Parlimen di Malaysia [4]

(a)……..

(b)……..

(c)……...

(d)……

18 Jelaskan **dua** jenis pilihan raya yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia [4]

(a). ……

…….

(b)……..

…….

19 Nyatakan **empat** kesan negatif kurangnya integriti dalam kalangan penjawat awam [4]

1……

2……

3…….

4……

Bahagian C [*50 markah*]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan . Calon hendaklah mengemukakan* ***lima*** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan*

20 Penggunaan teknologi moden secara meluas dalam bidang pertanian telah mendatangkan pelbagai kebaikan. Huraikan [25]

21 Aktiviti di sekolah berupaya meningkatkan semangat perpaduan dalam negara, namun usaha ini perlu diteruskan oleh aktiviti komuniti setempat supaya perpaduan terus kukuh. Jelaskan [25]

22. Kegiatan penyeludupan barangan jika dibiarkan berterusan akan meninggalkan kesan kepada masyarakat dan negara. Justeru, peranan pelbagai pihak perlu untuk mengatasi kegiatan ini dari terns berleluasa. Huraikan. [25]

SKEMA

BAHAGIAN A

NO SOALAN	JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN
1	B	6	A	11	C
2	B	7	A	12	B
3	D	8	B	13	B
4	C	9	D	14	D
5	C	10	B	15	A

Bahagian B [15 markah]

16. Nyatakan **tiga** sebab undang-undang menyekat kebebasan bercakap dan mengeluarkan fikiran boleh digubal. [3]

Skema Jawapan

Bil	Isi / idea
1	Menjamin keselamatan Malaysia/ Negara
2	Menjamin ketenteram awam/ masyarakat
3	Melindungi keistimewaan Parlimen/Dewan Undangan Negeri
4	Menjaga hubungan baik dengan negara lain
5	Menjaga hubungan baik sesama masyarakat

17. Jelaskan empat fungsi Parlimen di Malaysia[4]

Skema Jawapan

Bil	Isi / idea
1	Meluluskan dan meminda undang-undang Persekutuan
2	Memeriksa dasar-dasar kerajaan
3	Meluluskan bajet kerajaan dan cadangan cukai yang baharu
4	Membincangkan perkara-perkara berkaitan kepentingan rakyat/orang ramai
5	Menyemak dan membahaskan dasar-dasar kerajaan
6	Meluluskan perbelanjaan kerajaaan dan hasil-hasil cukai baru
7	.Menjadi forum kritikan dan fokus pendapat awam tentang perkara nasional

Bahagian C [50 markah]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan* .

20 Penggunaan teknologi moden secara meluas dalam bidang pertanian telah mendatangkan pelbagai kebaikan. Huraikan [25]

Pengenalan

Sektor pertanian di negara ini harus bergerak ke arah penggunaan teknologi moden. Hal ini demikian kerana pelbagai kebaikan dapat diperoleh menerusi penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian.

BIL	IDEA	HURAIAN
1.	**KEBAIKAN** Meningkatkan pengeluaran hasil pertanian	• Teknologi pertanian membantu para petani untuk meningkatkan pengeluaran dalam jangka masa yang pendek • Pelbagai jenis tanaman dapat dihasilkan tanpa mengira musim ataupun masa • Pengeluaran padi dapat dilakukan sebanyak lima kali dalam masa dua tahun
2.	Mempelbagai kaedah pertanian alternatif	• Tapak pertanian yang moden dan tidak bergantung kepada tanah • Tanah yang tidak subur dapat dipulihkan dengan kaedah moden • Penanaman tidak bergantung kepada cuaca dan muka bumi
3.	Menghasilkan baka berkualiti	• Dengan menggunakan kemajuan bidang bioteknologi, baka baru dalam bidang pertanian dihasilkan • Penggunaan teknologi berasaskan nuklear mampu menghasilkan baka tumbuh – tumbuhan yang baik dan bermutu • Baka baru ini mempunyai daya ketahanan yang tinggi, lebih berkualiti dan berupaya mengeluarkan hasil dalam jangka masa singkat
4	Meningkatkan penggunaan kaedah pertanian moden	• Sistem pengairan dan pembajaan yang sistematik dan moden • Sistem menghasilkan produktiviti yang tinggi dan berkualiti • Aktiviti pertanian dapat dijalankan sepanjang tahun • Masalah kualiti tanaman dan kekurangan air dapat dikurangkan

22. Kegiatan penyeludupan barangan jika dibiarkan berterusan akan meninggalkan kesan kepada masyarakat dan negara. Justeru, peranan pelbagai pihak perlu untuk mengatasi kegiatan ini dari terns berleluasa. Huraikan. [25]

Skema jawapan:

Pendahuluan :

Penyeludupan barangan membawa maksud perbuatan membawa masuk barang bercukai atau larangan keMalaysia atau keluar dari Malaysia secara tidak sah. Kegiatan ini boleh membawa kesan buruk jika terus berleluasa. Pelbagai pihak perlu bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing bagi membendung**isu ini.**

BIL	IDEA	HURAIAN
1	Kesan Kegiatan Penyeludupan Barang Mengancam keselamatan negara / rakyat	• Penyeludupan boleh mengancam keselamatan rakyat dan negara • Penyeludupan dadah dan senjata akan menyebabkan jenayah berleluasa • Wujud sindiket yang menguasai pasaran gelap terlibat dengan jenayah seperti pembunuhan, pengedaran dadah, penyeludupan arak dan rokok
2	Menjejaskan pendapatan negara	• Kegiatan ini merugikan ekonomi dan pendapatan negara • Barangan seludup tidak dikenakan cukai
3	Merugikan peruntukan peruntukan kewangan negara	• Barang dalam negara diseludup ke negara jiran merugikan perbelanjaan subsidi oleh kerajaan • Barangan subsidi minyak masak, petrol, tepung gandum
4	Mencemarkan imej negara	• Menunukkan negara lemah dalam mentadbir dan menguatkuasa undang-undang • Memnjejaskan imej negara di mata dunia
5	**Peranan pelbagai pihak** Kerajaan	• Memperkasa penguatkuasaan undang-undang • Meningkatkan penguatkuasaan rondaan sempadan di darat dan laut • Agensi APMM, Kastam, PDRM dan lain-lain • Kerjasam kerajaan dengan negara jiran serantau dan global
6	Masyarakat / Rakyat	• Melaporkan kepada pihak berkuasa • Elak daripada bersetongkol dengan penyeludup • Elak membeli barangan seludup
7	Media Massa/ Sosial	• Meningkatkan kesedaran / kempen kesedaran dalam kalangan masyarakat • Melaporkan kesan buruk akibat aktiviti penyeludupan
8	Badan Bukan Kerajaan (NGO)	• Menyokong dan membantu kerajaan • Menberi cadangan langkah yang berkesan • Tingkatkan kesedaran tentang kesan buruk dan bahaya produk tiruan dari aspek kesihatan dan keselamatan

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar